

14 JUL 2001

Mahathir-Belia

BELIA TEMPATAN PERLU BERANI MENCUBA, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Belia di Malaysia perlu berani melakukan eksperimen terhadap perkara-perkara yang berguna walaupun usaha mereka itu nampak primitif, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, jika orang muda mula melakukan eksperimen, baru mereka dapat belajar lebih mengenai ciptaan tertentu dan menjadi lebih berpengetahuan dalam apa yang mereka telah eksperimen.

"Ambil sebagai contoh kit plane (kapalterbang eksperimental). Jika belia kita tidak eksperimen dengannya, kita tidak akan belajar apa-apa mengenai penerbangan tetapi oleh kerana kita mempunyai belia-belia yang membuat eksperimen dengan kapalterbang-kapalterbang ini, kita memahami bidang ini dengan lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian semasa melepaskan ekspedisi 'Asean Voyage of Friendship' yang disertai oleh beberapa kapalterbang eksperimental ke sembilan negara anggota Asean untuk menyampaikan jemputan rasmi bagi Sukan SEA Ke 21 di Kuala Lumpur pada September ini.

Dr Mahathir berkata, kapalterbang-kapalterbang eksperimental mungkin nampak primitif bagi ramai orang tetapi perlu disedari yang adik beradik Wright (perintis dalam bidang penerbangan) bermula dengan kapal terbang yang hanya mempunyai rangka.

"Lihat di mana industri penerbangan sekarang, kita kini di era supersonik dengan had kelajuan bunyi telah diatasi oleh kapal terbang buatan manusia," katanya.

Beliau berkata jika belia hari ini berminat menjalankan eksperimen dengan kapalterbang eksperimental, negara satu hari nanti mempunyai peluang baik untuk mengeluarkan kapalterbang yang canggih yang boleh terbang lebih laju daripada kelajuan bunyi.

Dr Mahathir memberi contoh bagaimana pembuat kereta pertama Malaysia, Proton, merintis industri automotif negara.

"Hari ini kereta-kereta Proton setanding dengan kereta-kereta lain di pasaran yang dengan jelas menunjukkan Malaysia mempunyai keupayaan untuk maju dalam mana-mana bidang," kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata, eksperimen pada kit planes pada satu hari nanti akan membolehkan Malaysia mengejar gergasi-gergasi dalam industri penerbangan untuk mengeluarkan kapalterbangnya sendiri.

-- BERNAMA

SR MAM PR